

Tatabahasa FYH 2025 [SA, KL & JB]

Kata Nama Ganti Diri

1. Sultan Perak berkenan untuk menghadiri majlis itu. [Dia / Beliau / Baginda / Beta] akan diiringi oleh Perdana Menteri.
2. "Murid itu selalu mengganggu [saya / kalian / kami / awak]," kata Fatimah dan rakan-rakannya kepada guru disiplin.
3. Sebagai pemimpin masyarakat yang banyak berjasa, [dia / kita / beliau / mereka] sangat dihormati.
4. Raja Bersiong amat ditakuti kerana [beliau / baginda / tuanku / dia] seorang raja yang zalim.
5. Beberapa orang murid didenda kerana [dia / kalian / beliau / mereka] melanggar disiplin sekolah.
6. Pengemis di kaki lima itu kelihatan sungguh lemah kerana sudah sehari suntuk [beliau / dia / kita / mereka] tidak makan.

Penjodoh Bilangan

7. Encik Khairul menanam beberapa [tangkai / helai / pucuk / rumpun] serai di belakang rumahnya.
8. Aini membelek beberapa [keping / biji / lembar / naskhah] majalah lama milik bapanya.
9. Ibu membeli beberapa [kerat buah biji tongkol] jagung ketika pergi ke pasar malam tadi.
10. Beberapa [puntung / berkas / pucuk / tangkai] rokok bertaburan di atas lantai.
11. Anjing itu menggonggong se[ketul / ekor / patah / kalung] tulang yang dicurinya.
12. Beliau memulakan ucapannya dengan se[perenggan / rangkap / baris / patah] pantun.

Kata Bilangan

13. [Ketiga / Seluruh / Segala / Separuh] daripada penduduk kampung itu menanam pokok rambutan dan ciku.
14. Festival makanan itu mempamerkan [pelbagai / seluruh / setengah / segelintir] jenis kuih tempatan yang terdapat di Malaysia.
15. [Segala Setengah Ribuan Setiap] murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.

16. Kelly mendapat tempat [satu / pertama / kedua-dua / kesatu] dalam pertandingan syarahan sekolah.
17. Adik gemar mengumpulkan [pelbagai / berbagai / seluruh / segala] setem dari luar negara.
18. [Setengah / Separuh / Berpuluh-puluh / Segala] ekor lembu telah disembelih sempena perayaan Hari Raya Aidiladha.

Kata Seru

19. “[Aduh / Cis / Wahai / Eh], sakitnya perutku ini! Kata Karim kepada kawannya.
20. “[Wahai / Aduh / Wah / Cis], laju sungguh pemuda itu memandu keretanya!” kata ibu kepada abang.
21. “[Syabas / Aduh / Wahai / Aduhai], atas kejayaan kamu dalam peperiksaan akhir tahun!” kata ibu kepada kakak.
22. “[Nah / Amboi / Oh / Syabas], teriknya cahaya matahari sejak belakangan ini!” kata pemuda itu.
23. “[Oh / Wah / Aduhai / Wahai], cepatnya adik kamu mengira!” kata Fatimah kepada Ramli.
24. “[Cis / Wahai / Ah / Wah], anak-anakku, belajarlah bersungguh-sungguh!” kata Encik Murad.

Kata Hubung

25. Semua murid tahun enam pergi ke Muzium Negara [kecuali / dan / tetapi / walaupun] Hanis.
26. Dengan sepenuh tenaga, dia melonjak [lalu / untuk / sambil / meskipun] melepasi halangan di depannya.
27. Adik membaca buku kegemarannya [sambil / manakala / atau / hingga] mendengar radio.
28. Tangan kita hendaklah sentiasa dicuci [jikalau / ketika / lalu / agar] tidak dijangkiti kuman.
29. Banjir [atau / dan / hingga / kecuali] gempa bumi merupakan bencana alam yang sering berlaku di sesetengah negara.
30. Azmin melonjak kegembiraan [supaya / kerana / jika / sambil] lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Kata Arah

31. Sazali duduk di [luar / antara / penjuru / bawah] ibu dan kakaknya semasa menonton televisyen.
32. Daniel sentiasa berada di [sisi / antara / tepi / pinggir] ibunya yang sedang menjalani rawatan di hospital.
33. Para pesilat dijemput masuk ke [tengah / tepi / atas / luar] gelanggang untuk memulakan pertandingan.
34. Siva memacakkan Jalur Gemilang apabila dia berjaya mendaki [dalam / hujung / segi / puncak] Gunung Kinabalu.
35. Ibu meletakkan sepasu bunga yang baru digubahnya di [luar / sudut / belakang / antara] ruang tamu.
36. Pekerja itu sedang memasang sebatang tiang lampu di [belakang / tengah / tepi / dalam] jalan raya.

Kata Sendi Nama

37. Rakyat Malaysia mesti bersatu padu [tentang / terhadap / akan / demi] keharmonian dan kesejahteraan negara.
38. Bantuan kewangan telah disampaikan [dari / pada / kepada / daripada] keluarga mangsa-mangsa banjir.
39. Pekerja-pekerja kontrak itu bergegas pulang [di / ke / dari / kepada] rumah masing-masing setelah selesai bekerja.
40. Datuk sedang bercerita [bagi / untuk / tentang / daripada] pengalaman hidupnya semasa beliau berada di perantauan.
41. Adik Airil sayang [dengan / akan / pada / untuk] Si Comel, kucing Siam yang dihadiahkan oleh Kak Noni.
42. Paras air sungai negeri Johor sentiasa dicatat [dari / pada / kepada / daripada] semasa ke semasa.

Kata Nama/Kerja Berimbuhan

43. Pelbagai kemudahan disediakan oleh pihak kerajaan untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai pusat [perkhemahan / pelancongan / petempatan / perkampungan].
44. Pihak kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia supaya menjadi [penjual / pencuci / penderma / pemandu] darah.

45. [Pemandu / Penjaja / Peladang / Pengusaha] itu dikenakan saman kerana memandu melebihi had laju di lebuh raya.
46. [Pekebun / Penanam / Peneroka / Pengusaha] itu mengusahakan tanaman sayur di atas tanah pusaka milik keluarganya.
47. Encik Ong telah dinaikkan pangkat sebagai [pekerja / pengetua / pengajar / pensyarah] Sekolah Menengah Bukit Jelutong.
48. Banyak [pelancong / pendatang / pehijrah / penjajah] gemar melawat ke tempat-tempat yang menarik di Malaysia.
49. Pada zaman dahulu, banyak [penjaja / penjual / pengurus / pedagang] datang ke Melaka untuk menjalankan urusan perniagaan.
50. Ketibaan tetamu kehormat di majlis itu telah diumumkan oleh [juruulas / juruacara / jurucakap / juruhebah] dengan suara yang lantang.
51. Swee Lin [terhias / berhias / menghias / berhiaskan] ruang tamu dengan jambangan bunga gubahannya.

Kata Bantu

52. “Kamu [mesti / sudah / masih / sedang] belajar dengan bersungguh-sungguh sebelum menduduki peperiksaan,” kata ibu kepada abang.
53. Kakak [harus sedang boleh akan] menjemur pakaian semasa telefon berdering.
54. Fazir dan abangnya [akan / dapat / belum / sedang] menyertai larian maraton pada minggu depan.

Kata Kerja

55. Zaitun dan keluarganya [melihat / menziarahi / menjemput / menyambut] nenek mereka di kampung pada hari raya.
56. Encik Ramli [melilit / mengecat / menyapu / mengemop] dinding rumahnya dengan warna biru.

Kata Adjektif

57. Harimau merupakan haiwan yang [jinak / jahat / ganas / bengis].
58. Abang Amar kelihatan [segak / cantik / comel / pintar] dengan pakaian seragam polisnya.
59. Cahaya bulan pada malam Perayaan Kuih Bulan sungguh [licin / gelap / jelas / terang].